

Persidangan CEO Forbes Global Tingkatkan Profil Malaysia' Sebagai Destinasi Pelaburan Menarik

Bernama

23 Ogos, 2011

Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah

SINGAPURA, 23 Ogos (Bernama) -- Persidangan tahunan CEO Forbes Global ke-11 dari 12 hingga 14 Sept di Hotel Shangri-La Hotel Kuala Lumpur, akan meningkatkan profil Malaysia sebagai destinasi pelaburan menarik, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamad.

"Acara ini sangat penting, kita sudah menjayakannya dua kali. Ia dijayakan bagi meningkatkan profil dan membawa masuk individu yang mempunyai rantaian yang tinggi dari seluruh dunia ke Malaysia.

"Menerusi acara ini, mereka akan mengetahui apa yang kita tawarkan kerana ia memberikan kita peluang untuk berkomunikasi dengan orang yang paling kaya di dunia, bahawa Malaysia merupakan tempat yang hebat untuk pelaburan," katanya kepada Bernama di sini selepas mempengerusikan mesyuarat pramajlis Majlis Perniagaan Malaysia-Singapura (MSBC) di sini Selasa.

Mustapa kini dalam rangka lawat sehari ke sini bagi meninjau hasil penting usaha sama MSBC, terutama pembabitan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Singaoura, yang berminat melabur di Malaysia.

Persidangan itu dianjurkan dengan kerjasama hos penaja, Kerajaan Malaysia, , Julius Baer, EMC Corporation, TATA Consultancy Services, Corporate Executive Board, ADS Securities, Steinway Lyngdorf, Royal Falcon Fleet, Research In Motion, FICOFI dan Weber Shandwick.

Bertema "Di Persimpangan", Persidangan CEO Forbes Global akan dihadiri para pemimpin utama politik Malaysia.

Steve Forbes, Pengerusi dan Ketua Pengarah Forbes Media.

Mereka akan terlibat dalam sesi dialog "A Meeting of Minds" bersama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Steve Forbes juga akan mengadakan perbincangan mendalam bersama Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada sesi khas.

Mustapa berkata Malaysia bangga kerana sekali lagi menyambut para pemimpin dan pembuat keputusan dunia, ketua perniagaan dan pelabur global ke Malaysia, yang menyediakan peluang perniagaan yang besar.

"Malaysia merupakan destinasi ideal untuk mengenal pasti peluang pelaburan dan kerjasama ekonomi yang akan membantu meletakkan pemulihan ekonomi pada kedudukannya semula," katanya.

Antara 50 penceramah yang sudah mengesahkan kehadiran ialah orang paling kaya di dunia dan syarikat terbaik dalam senarai Forbes.

Ahli panel terkemuka terdiri daripada : Kumar Birla, Pengerusi Aditya Birla Group; Liang Xinjun, Naib Presiden dan CEO, Fosun International; Herbert V. Kohler Jr., Pengerusi dan CEO Kohler Co., Mario Moretti Polegato, Pengerusi GEOX Group; Zong Qinghou, Pengerusi Wangzhou Wahaha Group; Malvinder Singh, Pengerusi Kumpulan Fortis Healthcare; Richard Elman, Pengerusi Noble Group; Olivia Lum, Group Presiden, Hyflux; Lindsay Fox, Pengasas Linfox; S. Ramadorai, Naib Pengerusi Tata Consultancy Services; Stefano Pessina, Pengerusi Eksekutif Alliance Boots; Sam Goi, Pengerusi Eksekutif Tee Yih Jia Food Group; Roger Wang, Pengerusi dan CEO, Golden Eagle International Group; Kiran Mazumda-Shaw, Pengerusi dan Pengarah Urusan Biocon; Chao Teng Hsiung, Pengerusi Farglory Group; Michael Hintze, CEO, CQS; Stephen Felice, Presiden, Perusahaan Kecil dan Sederhana Dell; dan Henri Loyrette, Presiden dan Pengarah The Louvre Museum.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=610007>